

21 APR 1997

PERDANA MENTERI MENGHADAP SULTAN SELANGOR PETANG INI

PETALING JAYA, 21 April (Bernama) -- Sultan Selangor bertitah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadap baginda di Istana Selangor di Kuala Lumpur pukul 3.30 petang ini berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru.

"Perdana Menteri perlu jumpa saya secepat mungkin kerana saya nak pergi ke Singapura, Lumut dan kemudian ke London," titah baginda kepada pemberita selepas merasmikan pasar raya "Cash & Carry" milik Kumpulan Giant TMC di Subang Jaya di sini pagi ini.

"Takut tak cukup masa...kerana Perlembagaan (Negeri menetapkan tempoh) 28 hari sahaja," titah baginda.

Apabila ditanya siapa bakal Menteri Besar itu, Sultan Selangor bertitah baginda sendiri pun tidak mengetahuinya.

Jawatan Menteri Besar Selangor kosong berikutan peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib pada Isnin lepas. -- BERNAMA

HS NMO